



**“BERKORBAN APA SAJA
HARTA ATAUPUN NYAWA”**
KHUTBAH AIDILADHA NLP
Neuro Linguistic Programming

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ
الْحَمْدُ. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ عِندَ الْأَضْحَىٰ عِبْرَةً لِلْمُؤْمِنِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا
وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ. أَيُّهَا الْإِخْوَانُ
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالْبُذُنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ ۗ
فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٍ ۗ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا
فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ ۗ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا
لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



“Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian daripada syiar agama Allah untuk kamu, pada menyembelih unta tersebut ada kebaikan bagi kamu, oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur.” (Surah al-Hajj: 36)



“(Unta - binatang korban) sebagai tanda dan lambang kebesaran agama Allah dengan pelaksanaan ibadah korban”
(As-Syeikh Dr Wahbah al-Zuhaili - Kitab al-Tafsir al-Munir)

“Daging-daging korban menjadi suatu hadiah kepada mereka yang berkecukupan (tidak meminta-minta) dan ia menjadi sedekah kepada mereka yang memerlukan (golongan fakir dan miskin)” - (Tafsir as-Shaghir)

Buktinya...,

1

Jiwa-jiwa beriman menyahut panggilan Baitullah

2

Solat Aidiladha

3

Binatang-binatang yang akan dikorbankan





**Amat hebat ibadah
dan pengorbanan**

01

02

**Sikap dermawan dan
suka berbelanja di
jalan Allah**

03

**Berkorban 1,000 Kambing,
300 Lembu dan 100 Unta**

04

**Diuji dengan tiada zuriat
sepanjang perkahwinan
bersama Siti Sarah -
mencecah usia 86 tahun**

05

**Terpegun dan terkagum
Malaikat Jibril dan para
malaikat lain dengan ibadah
korban Nabi Ibrahim AS**



— BERKATA NABI IBRAHIM AS —

“Semua yang menjadi korbanku ini belumlah menjadi apa-apa bagi diriku. Demi Allah! Seandainya suatu hari nanti, aku dikurniakan seorang anak lelaki pasti akan aku persembahkan juga di jalan Allah dan aku akan korbankan dia untuk Allah SWT”

PERKAHWINAN YANG DIRESTUI, KELAHIRAN YANG DINANTI

- 01** Restu Siti Sarah Nabi Ibrahim AS kahwini Puteri Raja Mesir - Siti Hajar
- 02** Kelahiran yang dinanti - Nabi Ismail AS
- 03** Membesar sebagai remaja beriman - 13 Tahun

MIMPI YANG MERAGUT KEDAMAIAN JIWA

- 01** Mimpi benar (الرئيا الصادقة) sehingga 3 malam berturut-turut
- 02** Malam pertama - Mendatangkan keraguan sama ada benar dari Allah SWT atau dari syaitan yang menghasut
- 03** Nabi Ibrahim AS termenung, terfikir dan tertanya-tanya
- 04** Berlaku pada tanggal 8 Zulhijjah - Hari Tarwiyah (tertanya-tanya)

MIMPI YANG MERAGUT KEDAMAIAAN JIWA



MEDIA
KAGAT

- 05** Malam Kedua, mimpi yang sama itu datang lagi, mimpi yang mendatangkan perintah Allah SWT untuk membunuh anaknya Nabi Ismail AS
- 06** Membawa kepada kearifan Nabi Ibrahim AS tentang kesilapannya - Dinamakan hari 'Arafah 9 Zulhijjah
- 07** Malam Ketiga, mimpi yang menguatkan keyakinan
- 08** Berlakulah dialog antara 2 Insan - Menjadi pedoman buat Ummat Muhammad SAW

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يُبَيِّئُ لِيَّ أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ

فَأَنْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَأْتِيكَ أَفْعَالٌ مَّا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ

مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾



“Maka tatkala anak itu sampai (pada umur sanggup) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata: "Hai anakku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" Ia menjawab: "Hai bapakku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insya Allah kamu akan mendapatiku termasuk orang-orang yang sabar.” (Surah As-Shoffat: 102)



Allahyarham
Tan Sri P Ramlee

♪ “**Berkorban Apa Saja, Harta Atau Pun Nyawa,
Itulah Kasih Mesra, Sejati Dan Mulia,
Kepentingan Sendiri Tidak Diingini, Bahagia
Kekasih Saja Yang Diharapi, Untuk Menjadi
Bukti, Kasih Yang Sejati, Itulah Tandanya,
Jika Mahu Diuji...**” ♪

ANDA BAIT-BAIT LAGU ITU DIHAYATI



MEDIA
KAGAT

**Wanita (Ibu & Isteri) -
serupa tingkah laku
Siti Hajar**

**Anak Muda - wakili
peribadi & akhlak Nabi
Ismail Zabihullah**

**Orang Tua Dewasa
(Bapa) - laksana Nabi
Ibrahim Khalilullah**

**... demi kerana Allah dan Rasul,
demi al-Quran dan solat, umat
dan perjuangan ... pastikan kita
sanggup korbankan harta dan
nyawa, kerana itulah tanda kasih
mesra, sejati dan mulia**

**Harapan paling utama seorang
mukmin - zahirkan bukti dan
tanda kasih sejati kepada Allah
SWT dan Rasulullah SAW**

Kita sedang Diuji...



Hampir 3 juta umat berhimpun di 'Arafah - 45,000 Umat Islam Ghazah dan Palestin terkorban

Kita aman mendengar khutbah - mereka seakidah bertempiaran lari dari hujan peluru tidak bermata

Umat muslimin merebah dan melapah lembu dan binatang korban mereka, tetapi di kala itu jua masih berjuta umat seagama sedang kelaparan dan kehausan serta hidup dalam serba kekurangan juga kemiskinan di sebahagian ufuk dunia

Kenapa harus ada persoalan sebegini. Adakah salah pada Islamnya kah? Atau salah pada muslimnya kah?



Kenapa harus ada lagi persoalan sebegini. Adakah salah pada Islamnya kah? Atau salah pada muslimnya kah?

Persoalan yang sekian lama tidak terjawab, Contohnya :



Peristiwa Nakbah Palestin (hari bencana) 76 tahun berlalu (15 Mei 1948) dan sehinggalah peristiwa 7 Oktober 2023

Dimanakah mata dan pandangan kita, dimanakah telinga dan pendengaran kita dan dimanakah pula letaknya hati dan perasaan kita. Adakah mata kita sudah dibutakan, adakah telinga kita sudah ditulikan atau adakah hati kita sudah hilang rasa simpati dan kasihan? Atau adakah lidah umat ini sudah dipotong-potong hingga tidak lagi mampu untuk berkata-kata?



Persoalan Ini Kena Difikirkan Bersama Dan Apakah Kesudahannya?

Ujian dan persoalan itu akan kekal sehinggalah ditemui jawapannya yang paling tuntas...

Semangat Aidiladha dan di atas maksud tajuk khutbah:

“Berkorban Apa Saja - Harta ataupun Nyawa”

Bertekad Dan Berazam - Demi Kerana Allah Dan Rasul

**Kita Sanggup Langsaikan Harta Dan Gadaikan Nyawa
Agar Islam Kembali Berdaulat Di Dunia Dan Umatnya
Pulang Semula Ke Takhta Khalifah - Menerajui Dunia
Dengan Penuh Kebenaran Dan Keadilan**

وَمَتَّ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

“Dan telah sempurnalah kalimat Tuhanmu (Al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil, tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimat-kalimatNya dan Dialah yang sentiasa mendengar lagi sentiasa mengetahui” (Surah al-An’am: 115)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
 وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
 وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
 الرَّحِيمُ. اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ! اللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.